

ANALISIS KATA HUBUNG PANCANGAN DALAM PENULISAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA PERTAMA OLEH PELAJAR MELAYU TINGKATAN SATU BERDASARKAN TEORI ANALISIS KESALAHAN CORDER

(Analysis of Embedded Conjunctions in Malay Writing as Mother Language by Malay Form One Students Based on Error Analysis of Corder Theory)

NORAISHAH SAKILAH KAMAT

Universiti Pendidikan Sultan Idris
noraishahkamat@gmail.com

NUR FARAHKHANNA MOHD RUSLI

Universiti Pendidikan Sultan Idris
farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

NORFAIZAH ABDUL JABAR

Universiti Pendidikan Sultan Idris
norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my

AIREEN AINA BAHARI

Universiti Pendidikan Sultan Idris
aireen@fbk.upsi.edu.my

Dihantar pada:

24 April 2021

Diterima pada:

02 Ogos 2021

Koresponden:

farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

Abstrak: Makalah ini bertujuan menjelaskan kata hubung pancangan dalam penulisan pelajar berdasarkan teori analisis kesalahan Corder (1973). Data kajian diperoleh melalui kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian dengan menggunakan alat kajian iaitu sampel teks penulisan pelajar. Responden kajian terdiri daripada 20 orang pelajar tingkatan 1 di sebuah sekolah luar bandar di Segamat, Johor. Dapatan kajian menunjukkan kesalahan penggunaan kata hubung pancangan berlaku disebabkan empat faktor iaitu, (i) kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat, (ii) penggunaan kata hubung yang tidak tepat, (iii) ketiadaan penggunaan tanda baca dan (iv) kesalahan pemilihan kosa kata. Hasil kajian juga menunjukkan pembinaan ayat majmuk pancangan keterangan mencatat kekerapan kesalahan tertinggi diikuti dengan pembinaan ayat majmuk pancangan relatif dan pembinaan ayat majmuk pancangan komplemen. Berdasarkan analisis teori Corder (1973), kesalahan yang berlaku adalah disebabkan oleh empat faktor, iaitu (i) pengguguran unsur-unsur yang perlu, (ii) penambahan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat, (iii) pemilihan unsur yang tidak tepat, dan (iv) penyusunan unsur yang salah. Dari segi implikasi, kajian ini menyalurkan pengetahuan yang akan dapat meningkatkan pemahaman penggunaan ayat majmuk pancangan dalam penulisan oleh pelajar, sekali gus mengelak kesalahan tatabahasa, khususnya pembinaan ayat daripada berterusan.

Kata kunci: Kata hubung pancangan, ayat majmuk pancangan, penulisan, pelajar, teori Corder


Abstract: This paper aims to examine the subordinating conjunctions found in students' essay writing based on Corder's (1973) model of error analysis. Research data was obtained through methods such as library research and observation utilising students' writing text samples as the research tool. Research respondents were 20 Form One students from a rural school in Segamat, Johor. Research findings indicated that the misuse of subordinating conjunctions was due to four factors which are, (i) errors or ambiguity of sentence structure, (ii) inaccurate usage of conjunctions, (iii) absence of punctuation marks, and (iv) errors in vocabulary choices. Findings also indicated that the construction of adverbial compound sentences recorded the highest frequency of errors followed by the construction of relative plural compound sentences and the construction of complementary plural sentences. Based on Corder's theory analysis (1973), errors occurred on account of four factors which are, (i) omission of necessary elements, (ii) inclusion of unnecessary or inaccurate elements, (iii) adopting inaccurate elements, and (iv) incorrect positioning of elements. The research implication of this study helps provide information that can improve the comprehension on the use of compound sentences in essay writing by students, and to avoid continuous grammatical errors, respectively in sentence construction.

Keywords: Subordinating conjunctions, compound sentences, essay writing, secondary school students, Corder's theory.

PENGENALAN

Ahmad Khair et al. (2016) dalam bukunya *Tatabahasa Asas* dan Nik Safiah et al. (2008) dalam karyanya *Tatabahasa Dewan* bersependapat mengelaskan kata hubung sebagai kata yang tergolong dalam golongan kata tugas. Kata tugas pula dibahagikan kepada kata penyambung ayat, kata praklausa, kata prafrasa dan pascafrasa dan kata pascakata. Kata hubung yang termasuk dalam kata penyambung ayat pula mempunyai dua pecahan iaitu kata hubung gabungan dan kata hubung pancangan. Kata hubung berfungsi untuk menggabungkan perkataan dengan perkataan, frasa dengan frasa dan klausa dengan klausa sehingga terbentuknya ayat yang berlapis dikenali ayat majmuk.

Dalam kajian ini kata hubung pancangan (KHP) akan difokuskan. Menurut Ahmad Khair et al. (2016), KHP ialah kata hubung yang menyambungkan klausa bebas dengan klausa tak bebas untuk membentuk ayat majmuk pancangan. KHP ini dibahagikan kepada tiga kelompok. Setiap kelompok KHP mempunyai fungsi dan peranannya tersendiri dalam membentuk ayat majmuk pancangan. Berikut diringkaskan jenis-jenis KHP yang terdapat dalam bahasa Melayu:



RAJAH 1. Kelompok KHP

Kata Hubung Pancangan Relatif

KHP relatif ialah kata yang menyambungkan klausa bebas dengan klausa tidak bebas bagi membentuk ayat majmuk pancangan relatif. KHP relatif yang terdapat dalam bahasa Melayu ialah kata 'yang' (Ahmad Khair et al. 2016).

Kata Hubung Pancangan Komplemen

KHP komplemen berfungsi menyambungkan klausa tak bebas yang menjadi pelengkap atau komplemen dengan klausa utama. KHP komplemen yang terdapat dalam bahasa Melayu ialah kata seperti 'bahawa', 'supaya', 'untuk' dan 'agar' (Ahmad Khair et al. 2016).

Kata Hubung Pancangan Keterangan

Menurut Nik Safiah et al. (2008), KHP keterangan menghubungkan klausa yang menjadi keterangan pada klausa utama. Senarai berikut merupakan antara kata yang digunakan dalam KHP keterangan serta fungsinya:

JADUAL 1. Fungsi bagi setiap kata KHP keterangan

Fungsi	Kata bagi KHP keterangan
Sebab	Kerana, oleh sebab, lantaran
Syarat	Jika, jikalau, kalau, sekiranya, andai kata, asalkan
Tujuan	Demi, untuk, bagi
Harapan	Agar, supaya, moga-moga, kalau-kalau
Waktu	Apabila, ketika, sebelum, tatkala, setelah, semasa, sejak
Cara	dengan
Akibat	Hingga, sehingga
Pertentangan	Walaupun, meskipun, namun, biarpun, sungguhpun
Perbandingan	Bagai, seperti, laksana, bak, bagaikan

Sumber: Ahmad Khair Mohd Nor, Raminah Hj. Sabran, Nawi Ismail & Ton Ibrahim (2016)

Nik Safiah et al. (2008) menjelaskan kata hubung berfungsi menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis yang dikenali sebagai ayat majmuk. Hal ini bermakna kata hubung menghubungkan dua ayat tunggal menjadi ayat majmuk. Dari segi sintaksis, ayat majmuk pancangan ialah ayat yang terdiri daripada satu klausa bebas dan satu atau lebih klausa tak bebas (Ahmad Khair et al. 2016). Klausa tak bebas akan dipancarkan pada klausa bebas untuk menjadi sebahagian daripada ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung pancangan. Terdapat tiga jenis ayat majmuk pancangan, iaitu ayat majmuk pancangan relatif, ayat majmuk pancangan keterangan dan ayat majmuk pancangan komplemen.

PERNYATAAN MASALAH

Penguasaan kemahiran menulis merupakan antara elemen penting dalam KSSM bahasa Melayu. Menurut Rohaida et al. (2020), matlamat KSSM bahasa Melayu adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, idea dan hubungan sosial dalam kehidupan seharian. Namun, kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang sukar dikuasai oleh pelajar kerana kemahiran ini memerlukan seseorang individu menulis perkataan atau ayat yang gramatis, di samping mematuhi hukum-hukum tatabahasa (Rozana 2020). Tambah Rohaida et al. (2020), masalah menulis merupakan satu masalah hingga kini yang masih tidak dapat diselesaikan. Menurutnya, sehingga kini masih terdapat murid sekolah rendah dan menengah tidak boleh menulis dan situasi ini perlu ditangani dengan segera kerana masalah menguasai kemahiran menulis boleh mempengaruhi pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Banyak kajian yang telah dijalankan mendapati kebanyakan pelajar menghadapi masalah dalam penulisan terutamanya dari aspek penyambung ayat, iaitu ayat majmuk pancangan. Buktinya, kajian Norul Haida et al. (2018) mendapati sebanyak 20 orang atau 100% responden menggunakan kata hubung relatif 'yang' sebagai ayat majmuk pancangan relatif berbanding ayat majmuk pancangan keterangan dan komplemen. Hal ini bermakna ayat majmuk pancangan relatif paling banyak digunakan pelajar untuk meluaskan ayat.

Bagi kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan yang terdapat dalam karangan pelajar, seramai 7 orang responden, iaitu 35% melakukan kesalahan terhadap penggunaan ayat majmuk pancangan relatif, manakala seramai 3 orang responden, iaitu 15% melakukan kesalahan terhadap ayat majmuk pancangan keterangan. Tiada kesalahan penggunaan ayat majmuk komplemen dalam penulisan yang dihasilkan. Pada dasarnya, kajian ini telah dapat menunjukkan jenis-jenis ayat majmuk pancangan yang banyak digunakan pelajar dalam penulisan, namun faktor kesalahan penggunaan ayat majmuk dalam penulisan tidak dijelaskan secara terperinci, sekali gus mewajarkan kajian ini dilakukan.

Selain itu, hasil kajian oleh Siti Khodijah (2020) menjelaskan bahawa secara keseluruhannya pelajar berkebolehan untuk menentukan kata

hubung dalam ayat majmuk, iaitu apabila purata sebanyak 72% pelajar berjaya memberikan jawapan yang betul. Manakala purata pelajar yang tidak menguasai sepenuhnya ayat majmuk atau gagal memberikan jawapan kata hubung yang sesuai dengan ayat adalah sebanyak 28%. Dapatan juga menjelaskan kebanyakan pelajar tidak menguasai ayat majmuk kerana tidak menguasai makna perkataan itu sendiri. Oleh sebab itu, pelajar yang lemah dalam menggunakan perkataan kata hubung yang sesuai mengikut rumus-rumus yang ada pada ayatnya sering melakukan kesalahan.

Seterusnya, hasil kajian Arina dan Mohd. Zuber (2013) menunjukkan ayat majmuk yang paling kerap berlaku kesalahan ialah ayat majmuk gabungan, diikuti dengan ayat majmuk keterangan, ayat majmuk campuran, ayat majmuk pancangan relatif dan akhir sekali ayat majmuk komplemen. Kajian ini menggunakan teori analisis kesalahan Corder (1967) dan hasil analisis mendapati kegagalan menanggapi makna dan konteks penggunaan kata hubung yang sewajarnya menjadi penyebab kepada kecelaruan serta kekeliruan penyusunan struktur ayat majmuk. Bukan itu sahaja, kesalahan juga berlaku disebabkan proses pembentukan ayat majmuk mengikut struktur pembentukan ayat dalam bahasa ibunda responden memandangkan responden kajian ini terdiri daripada pelajar asing.

Menurut Siti Baidura dan Nurul Jamilah (2011), kesalahan penggunaan aspek kata hubung merupakan jenis kesalahan kedua tertinggi dalam penulisan pelajar, iaitu sebanyak 29.8% dengan kekerapan 17 kesalahan. Kajian yang menggunakan teori analisis kontrastif dan analisis kesalahan bahasa ini menunjukkan 80% pensyarah bersetuju bahasa ibunda merupakan faktor utama yang mendorong pelajar melakukan kesalahan tatabahasa. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Corder (1973) bahawa bahasa ibunda sedikit sebanyak mengganggu atau menghalang pelajar memperoleh bentuk, sistem atau hukum untuk memahami dan menguasai bahasa kedua.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, jelaslah bahawa masalah kesalahan ayat majmuk pancangan masih berlaku dalam penulisan pelajar sama ada pelajar peringkat sekolah rendah, menengah mahupun pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi. Pada dasarnya, tatabahasa merupakan suatu bidang yang memerlukan penelitian yang khusus serta pemahaman yang teguh untuk membolehkan pengguna bahasa menguasai sistem nahu sesebuah bahasa. Tambahan juga, kajian-kajian lepas menunjukkan kesalahan penggunaan ayat majmuk

masih berlaku dalam penulisan pelajar. Oleh yang demikian, kajian ini wajar dijalankan untuk menentengahkan pemahaman khalayak berkaitan sistem tatabahasa bahasa Melayu sekali gus membaiki kelemahan terhadap aspek tatabahasa, khususnya yang berkaitan dengan kata hubung pancangan keterangan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui pasti jenis kesalahan penggunaan kata hubung pancangan dalam ayat majmuk pancangan dalam penulisan pelajar.
2. Menjelaskan kesalahan penggunaan kata hubung pancangan dalam ayat majmuk pancangan dalam penulisan pelajar berdasarkan teori analisis kesalahan Corder.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan suatu kajian tinjauan yang menggunakan kaedah triangulasi. Kajian tinjauan ialah jenis penyelidikan yang meninjau isu, masalah dan fenomena untuk merungkai persoalan ‘apa’ dan ‘mengapa’ sesuatu masalah tersebut terjadi (Ghazali dan Sufean 2018). Kaedah triangulasi pula merupakan suatu kaedah yang amat sesuai dijalankan dalam penyelidikan berbentuk tinjauan kerana data-data dikumpulkan lebih daripada satu sumber. Tambah Ghazali dan Sufean (2018), kaedah ini merupakan satu kepelbagaian pengumpulan data yang sepadu bagi menyokong dan memantapkan antara satu maklumat dengan maklumat yang lain. Oleh itu, terdapat dua kaedah analisis yang digunakan, iaitu kaedah kualitatif, dan kaedah kuantitatif.

Kaedah kuantitatif digunakan untuk menjawab objektif pertama, iaitu mengenal pasti jenis-jenis kesalahan penggunaan kata hubung pancangan dalam ayat majmuk pancangan dalam penulisan pelajar. Penganalisisan secara kuantitatif dilakukan dalam bentuk numerik bagi menunjukkan jumlah kekerapan kesalahan kata hubung pancangan dalam ayat majmuk pancangan. Seperti yang dijelaskan Alizah (2020), statistik deskriptif digunakan untuk mengorganisasi data dalam bentuk teratur seperti graf, jadual, carta pai dan sebagainya dalam bentuk peratus.

Kaedah kualitatif pula digunakan untuk menjawab objektif kedua, iaitu menjelaskan kesalahan penggunaan kata hubung pancangan

dalam ayat majmuk pancangan dalam penulisan pelajar berdasarkan teori analisis kesalahan Corder (1973) secara deskriptif dan empirikal. Ertinya, kaedah kualitatif yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk menjelaskan dengan lebih terperinci faktor kesalahan penggunaan kata hubung pancangan dalam penulisan pelajar berdasarkan teori analisis kesalahan Corder (1973).

Kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian turut digunakan dalam kajian ini. Kaedah kepustakaan dilaksanakan untuk mengumpul data daripada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian sama ada dalam bentuk artikel, jurnal, tesis, buku-buku akademik, kertas seminar dan sebagainya untuk dijadikan input bagi mengukuhkan kajian melalui pandangan dan sokongan-sokongan sarjana yang diperoleh.

Kaedah pemerhatian pula menggunakan kaedah pemerhatian tidak turut serta (*non-participant observation*). Oleh sebab kajian ini menganalisis kandungan, iaitu penggunaan kata hubung dalam penulisan, maka penyelidik tidak terlibat secara langsung dalam situasi kajian, sebaliknya penyelidik sekadar menunggu borang maklum balas diberikan responden.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian pula melibatkan sekolah menengah harian di daerah Segamat, Johor yang terletak di kawasan luar bandar. Sekolah ini dipilih kerana memenuhi objektif kajian selain berada di lokaliti berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji bagi memudahkan proses penyelidikan dilakukan dari segi masa, tenaga dan kewangan. Selain itu, kajian ini menggunakan pensampelan rawak mudah yang hanya melibatkan pelajar tingkatan 1 dan semua responden merupakan pelajar Melayu.

Seramai 20 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Pelajar tingkatan 1 dilibatkan dalam kajian ini kerana pelajar masih belum menguasai sebaik mungkin penggunaan kata hubung pancangan dalam ayat majmuk pancangan jika dibandingkan dengan pelajar yang lebih dewasa seperti pelajar menengah atas yang lebih kerap didedahkan dengan pengetahuan tersebut bermula daripada peringkat menengah rendah dan akhirnya menengah atas. Oleh itu, situasi ini dapat menyalurkan data berkaitan pemahaman dan penguasaan kata hubung pancangan dalam ayat majmuk pancangan bahasa Melayu khususnya dalam kalangan pelajar tingkatan 1.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan bagi kajian ini ialah soalan karangan. Rajah 2 berikut ialah contoh soalan karangan yang digunakan sebagai instrumen kajian ini:

RAJAH 2. Contoh soalan karangan

<p>BAHAGIAN D - PENULISAN KARANGAN (30 Markah)</p> <p>Pilih satu daripada soalan di bawah ini. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.</p> <p>i. Bincangkan kesan-kesan penggunaan telefon pintar secara tidak terkawal.</p> <p>ii. Sejak akhir-akhir ini, isu pencemaran alam sekitar sering dipaparkan di media massa. Bincangkan usaha-usaha untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar.</p> <p>iii. Taman perumahan anda menghadapi masalah pembuangan sampah sarap sehingga menyebabkan berlakunya pencemaran bau. Sebagai wakil penduduk, anda ditugaskan menulis sepucuk surat kepada pihak yang berwajib untuk mengadu tentang masalah tersebut. Tulis surat tersebut selengkapnya.</p>

Sumber: Nur Marisyda dan Hani Syahira (2020)

Dalam soalan penulisan Bahagian D, format penilaian mengemukakan tiga soalan. Untuk kajian ini, pelajar boleh memilih untuk menjawab salah satu daripada soalan tersebut. Menurut Nurul Adzwa et al. (2020), kewajaran pemilihan karangan juga untuk menggalakkan penghasilan penulisan yang pelbagai yang dalamnya terkandung isu-isu berkaitan kesalahan tatabahasa, khususnya yang berfokus kepada aspek kata hubung. Jumlah panjang patah perkataan tidak kurang daripada 180 patah perkataan dan masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan tugas ini adalah selama 40 minit sama seperti proses penilaian PT3 memandangkan responden akan menduduki peperiksaan berdasarkan format PT3.

Soalan karangan diedar secara dalam talian dengan bantuan salah seorang guru mata pelajaran bahasa Melayu tingkatan 1 di sekolah tersebut. Guru tersebut akan memberi arahan kepada pelajar untuk menjawab soalan yang diberikan. Jawapan yang diperoleh kemudian akan dikumpulkan dan dikembalikan kepada pengkaji dengan menggunakan kaedah yang sama. Hal ini disebabkan penutupan sekolah akibat daripada masalah wabak pandemik COVID-19 yang melanda negara yang memerlukan proses pembelajaran dan pengajaran dilakukan di rumah dan secara dalam talian.

Analisis Data

Penganalisan data kajian dilakukan dengan menggunakan teori analisis kesalahan Corder (1973). Corder (1973) mengemukakan empat faktor kesalahan bahasa berlaku, iaitu kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat, penggunaan kata hubung yang tidak tepat, ketiadaan penggunaan tanda baca, dan kesalahan pemilihan kosa kata. Setiap karangan yang telah dikumpul akan disemak satu persatu. Setiap karangan disemak untuk mengenal pasti kesalahan penggunaan kata hubung pancangan dalam ayat majmuk pancangan dalam penulisan pelajar. Pada peringkat ini, buku *Tatabahasa Asas (2016)* dan *Tatabahasa Dewan (2008)* dijadikan panduan dan pegangan ketika menyemak penggunaan kata hubung pancangan dalam penulisan pelajar memandangkan kedua-dua buku tersebut turut menjadi panduan dan pegangan guru-guru dalam menguasai kemahiran tatabahasa di sekolah.

Data yang diperoleh akan dianalisis secara kuantitatif untuk mengenal pasti jenis-jenis dan kekerapan kesalahan yang dipersembahkan dalam bentuk jadual, dan kualitatif untuk menjelaskan faktor kesalahan tersebut berlaku berdasarkan teori analisis kesalahan Corder (1973).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan menjelaskan dapatan yang diperoleh berdasarkan dua objektif yang dinyatakan agar analisis tentangnya mudah difahami. Bagi objektif pertama, kesalahan penggunaan kata hubung pancangan, komplemen dan keterangan akan diuraikan dari segi (i) kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat, (ii) penggunaan kata hubung yang tidak tepat, (iii) ketiadaan penggunaan tanda baca, dan (iv) kesalahan pemilihan kosa kata. Keempat-empat elemen diadaptasi daripada kajian Arina dan Mohd. Zuber (2013) kerana elemen tersebut membantu memudahkan pengesanan kesalahan ayat majmuk pancangan dalam penulisan pelajar bagi menjawab objektif pertama. Bagi objektif kedua, kesalahan penggunaan kata hubung pancangan dalam ayat majmuk pancangan dalam penulisan pelajar akan dijelaskan berdasarkan teori analisis kesalahan bahasa Corder.

Jenis-Jenis Kesalahan Penggunaan Kata Hubung Pancangan dalam Ayat Majmuk Pancangan

Berdasarkan Jadual 2, kekerapan kesalahan paling tinggi ialah ayat majmuk pancangan keterangan dengan 17 kesalahan. Manakala, kedua tertinggi ialah ayat majmuk pancangan relatif dengan 11 kesalahan. Kekerapan kesalahan yang paling rendah ialah ayat majmuk pancangan komplemen, iaitu satu kesalahan sahaja. Berikut dijelaskan secara terperinci kekerapan bagi ketiga-tiga jenis kesalahan kata hubung pancangan yang digunakan dalam ayat majmuk panjang:

JADUAL 2. Jumlah kekerapan kesalahan kata hubung pancangan dalam AMP

Responden	Jenis Ayat Majmuk Pancangan (AMP)		
	AMP Relatif	AMP Komplemen	AMP Keterangan
	F	F	F
R1	1	-	1
R2	-	-	1
R3	1	-	-
R4	1	1	1
R5	1	-	-
R6	1	-	-
R7	-	-	1
R8	2	-	1
R9	2	-	-
R10	-	-	2
R11	-	-	2
R12	-	-	-
R13	-	-	1
R14	1	-	-
R15	-	-	1
R16	-	-	2
R17	-	-	2
R18	1	-	-
R19	-	-	-
R20	-	-	2
Jumlah	11	1	17

(F atau *false* merujuk kepada bilangan atau berapa kali kesalahan dilakukan oleh responden)

A. Kesalahan Ayat Majmuk Pancangan Relatif 'Yang'

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, terdapat empat elemen pengesanan yang digunakan untuk mengesan kesalahan ayat majmuk pancangan dalam penulisan pelajar yang diadaptasi daripada kajian Arina dan Mohd. Zuber (2013), iaitu (i) kesalahan

atau ketidakjelasan struktur ayat, (ii) penggunaan kata hubung yang tidak tepat, (iii) ketiadaan penggunaan tanda baca dan (iv) kesalahan pemilihan kosa kata.

JADUAL 3. Kesalahan AMP relatif 'yang'

Responden	Aspek Kesalahan			
	Kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat	Penggunaan kata hubung yang tidak tepat	Ketiadaan penggunaan tanda baca	Kesalahan pemilihan kosa kata
	F	F	F	F
R1	-	1	-	-
R3	1	-	-	-
R4	-	1	-	-
R5	-	1	-	-
R6	1	-	-	-
R8	-	2	-	-
R9	2	-	-	-
R14	-	1	-	-
R18	-	1	-	-
Jumlah	4	7	-	-

Berdasarkan Jadual 3, kesalahan paling tinggi dalam ayat majmuk pancangan relatif ialah penggunaan kata hubung yang tidak tepat, iaitu sebanyak 7 kesalahan. Manakala, yang paling rendah adalah kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat dengan 4 kesalahan.

Untuk kesalahan pemilihan kosa kata dan ketiadaan penggunaan tanda baca, masing-masing tidak menunjukkan sebarang nilai. Hal ini menunjukkan pelajar menggunakan tanda baca dan pemilihan kosa kata dalam ayat majmuk pancangan relatif dengan baik. Walau bagaimanapun, penggunaan tanda baca dan pemilihan kosa kata tidak terlalu mempengaruhi fungsi ayat majmuk pancangan relatif, memandangkan ayat majmuk relatif berfungsi untuk peluasan subjek dan peluasan predikat. Seterusnya, perbincangan menjelaskan elemen-elemen kesalahan yang ditemui berserta contoh bagi menyatakan dengan lebih jelas kesalahan yang dilakukan responden dalam penulisan.

(i) Kesalahan atau Ketidakjelasan Struktur Ayat

Aspek kesalahan yang terdapat pada sampel 6 adalah dari segi kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat, terdapat dua klausa, iaitu ayat induk dan ayat kecil yang tidak dipancangkan dengan kata hubung pancangan relatif. Bagi sampel 9 pula,

aspek kesalahannya ialah kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat dan mempunyai kesalahan yang sama seperti sampel 6, iaitu terdapat dua klausa, iaitu ayat induk dan ayat kecil yang tidak dipancarkan dengan kata hubung pancangan relatif.

JADUAL 4. Kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat

Sampel	Contoh kesalahan	Pembetulan
6	Natijahnya, <i>kita semua terpaksa menanggung bahana menyebabkan hidup kita saban hari semakin terseksa</i> apabila terpaksa menyedut udara yang tercemar.	Natijahnya, kita semua terpaksa menanggung bahana (AYAT INDUK) yang menyebabkan hidup kita saban hari semakin terseksa (AYAT KECIL/KLAUSA RELATIF) apabila terpaksa menyedut udara yang tercemar.
9	<i>Usaha untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar seterusnya</i> ialah pihak kerajaan perlu melaksanakan kempen dengan lebih berkesan.	Usaha untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar (AYAT INDUK) yang seterusnya (AYAT KECIL/KLAUSA RELATIF) ialah pihak kerajaan perlu melaksanakan kempen dengan lebih berkesan.

(ii) Penggunaan Kata Hubung yang Tidak Tepat

Aspek kesalahan pada sampel 4 ialah kesalahan dari segi penggunaan kata hubung yang tidak tepat. Ayat '*kesan pertama*' sudah pun menunjukkan subjek. Manakala, ayat '*ialah dapat menjejaskan pelajaran remaja*' merupakan predikat. Oleh itu, ayat ini hanya terdapat satu klausa sahaja. Untuk menghasilkan ayat majmuk pancangan relatif, dua klausa diperlukan, iaitu klausa bebas dan klausa tidak bebas. Oleh itu, kata hubung pancangan relatif '*yang*' perlu digugurkan untuk menghasilkan ayat yang gramatis.

Bagi kesalahan pada sampel 8 pula ialah aspek kesalahan dari segi penggunaan kata hubung yang tidak tepat. Ayat '*Contohnya, Mobile Legends, PUBG dan permainan yang sebagainya*' merupakan subjek. Hal ini demikian kerana perkataan '*sebagainya*' sudah sememangnya merujuk kepada permainan dalam telefon pintar tersebut, maka ayat ini hanya mengandungi satu klausa sahaja, iaitu satu subjek dan satu predikat. Untuk menggunakan kata hubung pancangan relatif, dua klausa diperlukan, iaitu klausa bebas dan klausa tidak bebas bagi membentuk ayat majmuk pancangan relatif. Oleh itu, kata hubung

pancangan relatif perlu digugurkan memandangkan ayat tersebut hanya memiliki satu klausa dan untuk menghasilkan ayat yang gramatis dan baik.

JADUAL 5. Kesalahan penggunaan kata hubung 'yang' yang tidak tepat

Sampel	Contoh kesalahan	Pembetulan
4	Kesan <i>yang</i> pertama ialah dapat menjejaskan pelajaran remaja.	Kesan pertama (SUBJEK) adalah dapat menjejaskan pelajaran remaja (PREDIKAT).
8	Contohnya, mobile legends, PUBG dan permainan <i>yang</i> sebagainya akan menarik minat pelajar untuk bermain.	Contohnya, permainan mobile legends, PUBG dan sebagainya (SUBJEK) akan menarik minat pelajar untuk bermain (PREDIKAT).

B. Kesalahan Ayat Majmuk Pancangan Komplemen 'Bahawa'

Berdasarkan Jadual 6, terdapat satu kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan komplemen, iaitu penggunaan kata hubung yang tidak tepat. Bagi kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat, ketiadaan penggunaan tanda baca dan kesalahan pemilihan kosa kata pula tidak menunjukkan sebarang nilai. Hal ini menunjukkan pelajar mampu membina ayat majmuk pancangan komplemen dengan baik dari segi penggunaan tatabahasa dan pembentukan ayat. Pelajar yang melakukan kesalahan pada aspek penggunaan kata hubung yang tidak tepat pada ayat majmuk ini kemungkinan keliru mengenai kedudukan kata hubung pancangan komplemen tersebut di dalam ayat serta fungsinya.

JADUAL 6. Kesalahan AMP komplemen 'bahawa'

Responden	Aspek Kesalahan			
	Kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat	Penggunaan kata hubung yang tidak tepat	Ketiadaan penggunaan tanda baca	Kesalahan pemilihan kosa kata
	F	F	F	F
R4	-	1	-	-
Jumlah	-	1	-	-

Walaupun hanya terdapat satu sahaja kesalahan dalam penggunaan ayat majmuk pancangan komplemen, perbincangan tentangnya turut dilakukan seperti yang dihuraikan dalam contoh berikut:

(i) *Penggunaan Kata Hubung yang Tidak Tepat*

Berdasarkan Jadual 7, kesalahan pada sampel 4 ialah kesalahan penggunaan kata hubung yang tidak tepat. Hal ini demikian kerana ayat majmuk pancangan merupakan ayat yang terdiri daripada satu klausa bebas dan satu klausa tidak bebas. Klausa tidak bebas tersebut akan dipancarkan dengan menggunakan kata hubung pancangan yang sesuai untuk menjadi sebahagian daripada ayat majmuk tersebut. Namun begitu, ayat majmuk pancangan komplemen di atas tidak mengandungi dua klausa. Kata hubung pancangan komplemen terletak di belakang kata yang bukan terdiri daripada ayat klausa bebas. Oleh itu, kata hubung pancangan komplemen tersebut perlu digugurkan agar ayat tersebut menjadi gramatis.

JADUAL 7. Kesalahan penggunaan kata hubung 'bahawa' yang tidak tepat

Sampel	Contoh kesalahan	Pembetulan
4	Diharapkan <i>bahawa</i> pihak berkuasa wajib berganding bahu untuk menyelesaikan masalah tersebut.	Diharapkan pihak berkuasa wajib berganding bahu untuk menyelesaikan masalah tersebut.

C. Kesalahan Ayat Majmuk Pancangan Keterangan

Berdasarkan Jadual 8, kesalahan paling tinggi dalam ayat majmuk pancangan keterangan ialah penggunaan kata hubung yang tidak tepat, iaitu sebanyak 8 kesalahan. Yang kedua tertinggi ialah kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat, iaitu sebanyak 5 kesalahan. Kesalahan paling rendah pula adalah ketiadaan penggunaan tanda baca, iaitu sebanyak 4 kesalahan. Kesalahan pemilihan kosa kata pula tidak menunjukkan sebarang nilai. Hal ini menunjukkan pelajar masih belum menguasai kata hubung pancangan keterangan dengan baik memandangkan kata hubung ini mempunyai jenis-jenisnya tersendiri.

JADUAL 8. Kesalahan AMP keterangan

Responden	Aspek Kesalahan			
	Kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat	Penggunaan kata hubung yang tidak tepat	Ketiadaan penggunaan tanda baca	Kesalahan pemilihan kosa kata
	F	F	F	F
R1	-	1	-	-
R2	-	1	-	-
R4	-	1	-	-
R7	-	1	-	-
R8	1	-	-	-
R10	1	1	-	-
R11	1	-	1	-
R13	-	1	-	-
R15	-	1	-	-
R16	-	1	1	-
R17	2	-	-	-
R20	-	-	2	-
Jumlah	5	8	4	-

Seterusnya, perbincangan akan menjelaskan elemen-elemen kesalahan yang ditemui berserta contoh bagi menyatakan dengan lebih jelas kesalahan yang dilakukan responden.

(i) *Kesalahan atau Ketidakjelasan Struktur Ayat*

Berdasarkan Jadual 9, kesalahan ayat majmuk pancangan keterangan pada sampel 8 ialah kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat kerana ayat pertama tergantung dan tidak mempunyai keterangan untuk menghasilkan ayat yang gramatis. Namun begitu, ayat kedua dilihat mempunyai konteks ayat yang berpautan dengan ayat pertama terutama perkataan '*semoga*' yang berada di bahagian hadapan ayat kedua. Oleh itu, perkataan tersebut digugurkan untuk menghasilkan klausa tidak bebas dan seterusnya dipancarkan kepada klausa bebas dengan menggunakan kata hubung pancangan keterangan jenis keterangan harapan untuk menghasilkan ayat majmuk pancangan keterangan. Hal ini demikian kerana perkataan '*semoga*' dan kata hubung pancangan keterangan harapan, iaitu '*supaya*' memiliki maksud kata yang sama, iaitu tentang harapan atau sesuatu yang diinginkan.

JADUAL 9. Kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat

Sampel	Contoh kesalahan	Pembetulan
8	<i>Oleh itu, kempen kesedaran wajib diadakan. Semoga masalah ini dapat dielakkan melalui tanggungjawab semua.</i>	Oleh itu, kempen kesedaran wajib diadakan (KLAUSA BEBAS) supaya masalah ini dapat dielakkan melalui tanggungjawab semua (KLAUSA TIDAK BEBAS/KETERANGAN HARAPAN).
17	<i>Ini kerana demi keuntungan masing-masing daripada pihak yang tidak bertanggungjawab yang menjadikan kemusnahan habitat haiwan sama ada di hutan, sungai dan sebagainya.</i>	Hal ini dikatakan demikian (KLAUSA BEBAS) kerana sikap pihak yang tidak bertanggungjawab yang mementingkan hanya keuntungan masing-masing menyebabkan berlakunya kemusnahan habitat haiwan sama ada di hutan, sungai dan sebagainya (KLAUSA TAK BEBAS/ KETERANGAN MUSABAB).

Sampel 17 juga merupakan kesalahan dari segi kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat kerana ayat '*Hal ini*' bukan klausa oleh sebab terdiri daripada subjek semata-mata. Oleh itu, perkataan '*dikatakan demikian*' sebagai predikat perlu ditambah untuk menghasilkan klausa bebas. Fungsi '*kerana*' merupakan kata hubung pancangan keterangan yang menghubungkan klausa tak bebas yang menjadi keterangan kepada klausa utama. Oleh itu, klausa tak bebas akan dipancarkan kepada klausa bebas dengan menggunakan kata hubung pancangan keterangan musabab untuk menghasil ayat majmuk keterangan. Selain itu, untuk menghasilkan ayat yang gramatis, kata hubung pancangan tujuan iaitu '*demi*' digugurkan bagi mengelakkan berlakunya unsur lewih oleh sebab '*kerana*' dan '*demi*' merupakan jenis kata hubung pancangan yang sama dan beberapa ayat dibetulkan mengikut konteks ayat yang betul, sesuai dan mudah difahami.

(ii) Penggunaan Kata Hubung yang Tidak Tepat

Berdasarkan Jadual 10, kesalahan pada sampel 2 ialah kesalahan penggunaan kata hubung yang tidak tepat. Hal ini dapat dilihat dari segi perbezaan konteks ayat, iaitu pada klausa bebas dan klausa tidak bebas. Konteks ayat pada klausa tidak bebas menunjukkan sesuatu perbuatan atau kejadian yang berlawanan daripada klausa bebas. Oleh itu, kata

hubung gabungan perlu digugurkan dan diganti dengan kata hubung pancangan keterangan yang sesuai dengan konteks ayat iaitu kata hubung pancangan keterangan jenis pertentangan seperti '*namun*'.

Bagi sampel 10 pula, kesalahan pada sampel tersebut adalah dari segi penggunaan kata hubung yang tidak tepat. Hal ini dapat dilihat dari segi konteks ayat tersebut, iaitu pada klausa bebas dan klausa tidak bebas. Konteks ayat pada klausa tidak bebas seperti ayat di atas sesuai dipancarkan dengan kata hubung pancangan keterangan akibat. Hal ini demikian kerana konteks ayat tersebut menyatakan mengenai hasil sesuatu perbuatan. Oleh itu, kata hubung gabungan "*dan*" perlu digugurkan dan diganti dengan kata hubung pancangan keterangan yang sesuai dengan konteks ayat, iaitu kata hubung pancangan keterangan jenis akibat iaitu '*sehingga*'.

JADUAL 10. Kesalahan penggunaan kata hubung yang tidak tepat

Sampel	Contoh kesalahan	Pembetulan
2	Kesimpulannya, telefon pintar dicipta untuk kegunaan yang baik <i>dan</i> individu yang memburukkan kewujudan telefon pintar.	Kesimpulannya, telefon pintar dicipta untuk kegunaan yang baik (KLAUSA BEBAS) <i>namun</i> individu yang memburukkan kewujudan telefon pintar tersebut (KLAUSA TIDAK BEBAS/KETERANGAN PERTENTANGAN).
10	Namun begitu, masih ramai pengguna yang tidak menggunakan telefon pintar sebaiknya <i>dan</i> mendatangkan kesan yang buruk kepada diri sendiri.	Namun begitu, masih ramai pengguna yang tidak menggunakan telefon pintar dengan sebaiknya (KLAUSA BEBAS) <i>sehingga</i> mendatangkan kesan yang buruk kepada diri sendiri (KLAUSA TIDAK BEBAS/KETERANGAN AKIBAT).

(iii) Kesalahan Tanda Baca

Berdasarkan Jadual 11, kesalahan sampel 11 ialah kesalahan ketiadaan penggunaan tanda baca koma yang menghasilkan ayat yang tidak gramatis hingga menghasilkan maksud yang tidak tepat. Hal ini demikian kerana ayat yang dipancarkan di atas dalam susunan songsang, namun tanda baca seperti koma tidak terdapat pada ayat tersebut bagi menunjukkan klausa bebas selepasnya. Hal ini menunjukkan bahawa ayat tersebut terdiri daripada satu klausa. Buktinya, Ahmad Khair et al. (2016)

menjelaskan ciri jelas tentang ayat keterangan ialah klausa keterangan ini boleh berada selepas klausa bebas (susunan biasa), atau boleh hadir di hadapan klausa bebas (susunan songsang). Oleh itu, penggunaan tanda baca koma perlu diletakkan dibahagian ayat klausa tak yang bebas yang telah dipancangkan mengikut konteks ayat betul agar dapat menghasilkan ayat yang gramatis dan satu ayat majmuk pancangan keterangan yang baik.

Bagi Marriane et al. (2021), ayat yang tidak gramatis dan tergantung tidak dapat menghasilkan makna yang lengkap, atau tidak akan dapat menjelaskan situasi yang dikehendaki. Bagi sampel 20 pula, kesalahan pada sampel tersebut ialah kesalahan dari segi ketiadaan penggunaan tanda baca, iaitu tanda koma. Kesalahan ini bersamaan dengan kesalahan pada sampel 11, iaitu ketiadaan penggunaan tanda baca 'koma' pada ayat yang dipancangkan dalam susunan songsang di bahagian awal ayat.

JADUAL 11. Kesalahan tanda baca

Sampel	Contoh kesalahan	Pembetulan
11	<i>Jika kita melakukan rancangan television usaha ini mungkin akan mendapat banyak sambutan kerana rancangan television seiring dengan perubahan zaman kita.</i>	Jika kita melakukan rancangan televisyen, usaha ini mungkin akan mendapat banyak sambutan kerana rancangan televisyen seiring dengan perubahan zaman kita. Usaha ini mungkin akan mendapat banyak sambutan kerana rancangan televisyen seiring dengan perubahan (STRUKTUR BIASA/ KLAUSA BEBAS) Jika kita melakukan rancangan televisyen (SUSUNAN SONGSANG / KLAUSA TAK BEBAS/KETERANGAN)
20	<i>Sekiranya masyarakat tidak memberikan kerjasama serta tidak mengambil endah bagaimana kita hendak mengatasi masalah pencemaran ini.</i>	Sekiranya masyarakat tidak memberikan kerjasama serta tidak mengambil endah, bagaimana kita hendak mengatasi masalah pencemaran ini? Bagaimana kita hendak mengatasi masalah pencemaran ini (STRUKTUR BIASA/KLAUSA BEBAS) Sekiranya masyarakat tidak memberikan kerjasama serta tidak mengambil endah (SUSUNAN SONGSANG/KLAUSA TAK BEBAS/ KETERANGAN)

Analisis Kesalahan Penggunaan Kata Hubung Pancangan dalam Ayat Majmuk Pancangan Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973)

Berdasarkan objektif 1, terdapat kesalahan terhadap penggunaan ketiga-tiga jenis kata hubung pancangan dalam ayat majmuk pancangan oleh responden, iaitu (i) kesalahan kata hubung pancangan relatif 'yang', (ii) kesalahan kata hubung pancangan komplemen 'bahawa', dan (iii) kesalahan kata hubung pancangan keterangan. Bagi semua kesalahan penggunaan kata hubung pancangan ini, terdapat empat jenis kesalahan yang dilakukan responden antaranya (i) kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat, (ii) penggunaan kata hubung yang tidak tepat, (iii) ketiadaan penggunaan tanda baca, dan (iv) kesalahan pemilihan kosa kata. Dalam bahagian ini, perbincangan akan menjelaskan beberapa sampel terpilih daripada setiap jenis kata hubung pancangan untuk menjelaskan faktor-faktor kesalahan tersebut berlaku berdasarkan teori analisis Corder (1973).

Kesalahan Kata Hubung Pancangan Relatif 'Yang'

Kesalahan penggunaan kata hubung pancangan relatif pada sampel 6, iaitu dalam ayat '*Natijahnya, kita semua terpaksa menanggung bahana menyebabkan hidup kita saban hari semakin terseksa apabila terpaksa menyedut udara yang tercemar*' menunjukkan kesalahan jenis kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat. Hal yang demikian kerana terdapat dua klausa, iaitu ayat induk dan ayat kecil yang tidak dipancangkan dengan kata hubung pancangan relatif 'yang'. Begitu juga kesalahan pada sampel 9, iaitu dalam ayat '*Usaha untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar seterusnya ialah pihak kerajaan perlu melaksanakan kempen dengan lebih berkesan*' menunjukkan kesalahan yang sama dengan sampel 6, iaitu kesalahan jenis kesalahan atau ketidakjelasan struktur ayat. Hal yang demikian kerana terdapat dua klausa, iaitu ayat induk dan ayat kecil yang tidak dipancangkan dengan kata hubung pancangan relatif 'yang'.

Berdasarkan pernyataan Corder (1973) dalam dalam Zaliza (2017), kesalahan yang dilakukan pada sampel 6 dan 9 ini boleh dikategorikan sebagai kesalahan akibat pengguguran unsur-unsur yang perlu. Dalam hal ini, tugas kata hubung pancangan relatif 'yang' adalah untuk memancangkan klausa tidak bebas kepada klausa

bebas untuk menjadi sebahagian daripada ayat majmuk berkenaan. Namun, ayat yang dihasilkan pada sampel 6 dan 9 tidak gramatis disebabkan berlakunya pengguguran unsur yang penting dalam struktur ayat tersebut, iaitu kata hubung pancangan relatif 'yang'.

Corder (1981) dalam Siti Norsyahida et al. (2015) berpendapat kesalahan seperti yang berlaku pada sampel 6 dan 9 adalah disebabkan faktor *lapses*. *Lapses* merupakan lupa sementara yang dilakukan oleh seseorang akibat beberapa faktor seperti gangguan psikologi, iaitu perasaan terburu-buru, takut, lalai, dan sebagainya, serta kurangnya latihan. Ertinya, berlaku peralihan topik perbincangan oleh sebab kesalahan pada pemakaian bahasa yang berlaku. Hal ini dapat dilihat melalui ayat pada sampel 6 dan 9 iaitu terdapatnya klausa bebas dan klausa tidak bebas yang tidak dipancarkan, namun disatukan dalam ayat sehingga menghasilkan ayat yang tidak gramatis. Sekiranya pelajar membaca kembali ayat yang ditulisnya, kemungkinan pelajar dapat mengesan kesalahan yang ada pada ayat tersebut kerana ayat yang dihasilkan jelas tidak gramatis.

Oleh itu, kesalahan struktur ayat majmuk pancangan relatif pada sampel 6 dan 9 berpunca daripada kelalaian pelajar disebabkan gagal memasukkan unsur yang penting dalam binaan ayat tersebut, iaitu kata hubung pancangan relatif 'yang'.

Kesalahan Kata Hubung Pancangan Komplemen 'Bahawa'

Kesalahan penggunaan kata hubung pancangan komplemen pada sampel 4, iaitu dalam ayat '*Diharapkan bahawa pihak berkuasa wajib berganding bahu untuk menyelesaikan masalah tersebut*' menunjukkan kesalahan jenis penggunaan kata hubung yang tidak tepat. Corder (1973) mengemukakan empat jenis kesalahan, iaitu pengguguran unsur-unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat, pemilihan unsur yang tidak tepat dan penyusunan unsur yang salah. Daripada keempat-empat jenis kesalahan tersebut, kesalahan yang berlaku pada sampel ini boleh dikategorikan di bawah kesalahan jenis penambahan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat. Hal ini demikian kerana ayat majmuk pancangan merupakan ayat yang terdiri daripada satu klausa bebas dan satu klausa tidak bebas. Klausa tidak bebas akan dipancarkan dengan menggunakan kata hubung pancangan yang sesuai untuk menjadi sebahagian daripada ayat majmuk tersebut.

Namun begitu, ayat majmuk komplemen dalam sampel 4 tidak mengandungi dua klausa. Kata hubung pancangan komplemen di kedudukan predikat ayat bukan terdiri daripada klausa bebas. Oleh itu, kata hubung pancangan komplemen 'bahawa' yang digunakan pada sampel 4 perlu digugurkan agar ayat tersebut menjadi gramatis. Berdasarkan teori analisis kesalahan Corder (1981), kesalahan pada sampel 4 berlaku disebabkan faktor *errors*. *Errors* terjadi akibat si pemakai bahasa belum menguasai sistem kebahasaan bahasa tersebut dengan betul hingga berlaku penyimpangan pemakaian bahasa daripada struktur bahasa baku. Dalam erti kata lain, pelajar tidak memahami dengan lebih jelas binaan struktur ayat yang tepat dalam penulisan menyebabkan kesalahan sintaksis berlaku.

Kesalahan Kata Hubung Pancangan Keterangan

Kesalahan penggunaan kata hubung pancangan keterangan pada sampel 11, iaitu dalam ayat '*Jika kita melakukan rancangan television usaha ini mungkin akan mendapat banyak sambutan kerana rancangan television seiring dengan perubahan zaman kita*' menunjukkan kesalahan ketiadaan penggunaan tanda baca, iaitu koma hingga menghasilkan ayat yang tidak gramatis dan menghasilkan maksud yang tidak sesuai. Daripada keempat-empat jenis kesalahan yang dikemukakan Corder (1973), kesalahan pada sampel (ii) dikelaskan dalam kelompok kesalahan jenis pengguguran unsur yang perlu dalam ayat. Hal ini demikian kerana ayat yang dipancarkan pada sampel 11 berada dalam susunan songsang, namun tanda baca seperti koma tidak terdapat pada ayat tersebut bagi menunjukkan klausa bebas selepasnya, dan perbezaan susunan bagi kedua-dua klausa tersebut. Pengguguran unsur penting ini menjadikan ayat tersebut terdiri daripada satu klausa sahaja. Corder (1967) menjelaskan kesilapan memang tidak boleh dielakkan dalam proses pembelajaran. Namun, kesalahan bersifat teknikal seperti ini seharusnya boleh dielakkan pelajar dalam penulisan mereka kerana pada dasarnya pembinaan ayat yang panjang boleh mengundang kesalahan dalam struktur binaannya jika tidak memahami dan menguasai sistem nahu bahasa Melayu dengan sewajarnya.

Bagi kesalahan pada sampel 2, iaitu dalam ayat '*Kesimpulannya, telefon pintar dicipta untuk kegunaan yang baik dan individu yang memburukkan kewujudan telefon pintar*' menunjukkan kesalahan dari segi penggunaan kata

hubung yang tidak tepat. Menurut Corder (1973) dalam Zaliza (2017), terdapat empat kesalahan yang dilakukan oleh pelajar iaitu pengguguran unsur-unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat, pemilihan unsur yang tidak tepat dan penyusunan unsur yang salah. Berdasarkan pernyataan tersebut, kesalahan yang terdapat pada sampel 2 ini adalah dari segi pemilihan unsur yang tidak tepat. Hal ini dapat dilihat dari segi perbezaan konteks ayat tersebut, iaitu pada klausa bebas dan klausa tidak bebas. Konteks ayat pada klausa tidak bebas menunjukkan sesuatu perbuatan atau kejadian yang berlawanan daripada klausa bebas. Oleh itu, kata hubung gabungan 'dan' tidak sesuai digunakan dalam ayat tersebut.

Selain itu, menurut Corder (1981) dalam Siti Norsyahida et al. (2015) menyatakan bahawa terdapat perbezaan pengertian kesalahan bahasa berdasarkan sebab-sebabnya, iaitu keliru (*mistakes*), kesilapan (*lapses*) dan salah (*errors*). Berdasarkan teori analisis kesalahan Corder (1981), kesalahan pada sampel 2 adalah disebabkan oleh *mistakes*. *Mistake* berlaku kerana penulis tidak menggunakan bahasa dengan tepat sehingga berlakunya penyimpangan pemakaian bahasa. Hal ini dapat dilihat penggunaan kata hubung pada sampel 2 kerana pelajar bermungkinan keliru untuk menggunakan kata hubung yang sesuai dengan konteks ayat, memandangkan kata hubung pancangan keterangan mempunyai pelbagai fungsi kata.

Tidak dinafikan bahasa Melayu mempunyai peraturan-peraturan bahasa yang tersendiri, kompleks dan unik. Maka tidak hairanlah jika kemahiran berbahasa Melayu sukar dikuasai oleh penuturnya. Kesilapan ini sering berlaku kepada penutur bahasa kedua seperti pelajar Cina, India dan Orang Asli. Namun, pada masa yang sama kesalahan berbahasa turut berlaku terhadap penutur bahasa jati itu sendiri, iaitu pelajar Melayu. Buktinya dapat dilihat pada sampel-sampel ayat yang telah dikemukakan memandangkan semua responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar berbangsa Melayu. Menurut Corder (1973), jika pelajar tidak berhati-hati ketika menggunakan bahasa ketika berkomunikasi sama ada dalam konteks lisan dan tulisan, maka kesilapan dalam berbahasa akan terus berlanjutan. Keadaan ini jelas akan mengganggu pencapaian pelajar dalam sistem akademik serta menggugat kemahiran-kemahiran kebahasaan yang perlu dikuasai dalam sistem bahasa, khususnya kemahiran menulis dan kemahiran bertutur.

KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati kesalahan ayat majmuk pancangan keterangan adalah lebih tinggi berbanding kesalahan pada ayat majmuk pancangan relatif dan komplemen kerana kata hubung pancangan keterangan mempunyai banyak fungsi, misalnya keterangan musabab, perbandingan dan sebagainya. Setiap klausa yang dipancarkan dengan menggunakan kata hubung pancangan keterangan perlu dilihat dari segi konteks ayat agar pemilihan kata hubung pancangan tersebut tepat dan sesuai berdasarkan konteks ayat. Oleh sebab itu, pelajar keliru untuk menggunakan kata hubung pancangan keterangan dengan betul. Oleh itu, pelajar perlu berhati-hati dalam memilih kata hubung pancangan keterangan agar kata hubung pancangan keterangan yang dipancarkan tersebut sesuai dengan ayat.

Selain itu, aspek kesalahan yang paling tinggi pada ketiga-tiga ayat majmuk pancangan adalah aspek kesalahan penggunaan kata hubung yang tidak tepat. Terdapat banyak ayat majmuk pancangan yang tidak menggunakan kata hubung pancangan yang sesuai dengan konteks ayat, misalnya seperti kesalahan pada ayat majmuk pancangan keterangan. Hal ini demikian kerana kata hubung pancangan mempunyai jenisnya tersendiri dan penggunaan katanya harus sesuai dengan konteks ayat. Untuk ayat majmuk pancangan komplemen pula, penggunaan kata hubung pancangan yang digunakan adalah tidak tepat oleh kerana ayat tersebut yang hanya memiliki satu klausa, misalnya pada sampel 4. Begitu juga aspek kesalahan, iaitu penggunaan kata hubung yang tidak tepat pada ayat majmuk pancangan relatif yang mempunyai persamaan kesalahan dengan ayat majmuk pancangan komplemen, iaitu penggunaan kata hubung pancangan pada ayat yang mempunyai satu klausa.

Teori analisis kesalahan bahasa Corder (1973) mampu mengelaskan empat kategori kesalahan pada ayat majmuk pancangan dengan baik. Antara empat kesalahan yang dilakukan oleh pelajar yang dikelaskan oleh Corder (1973) adalah seperti pengguguran unsur-unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu atau tidak tepat, pemilihan unsur yang tidak tepat dan penyusunan unsur yang salah. Keempat-empat jenis kesalahan ini boleh digunakan sebagai rujukan untuk menganalisis kesalahan-kesalahan bahasa bukan sahaja pada ayat majmuk pancangan, malah pada jenis-jenis ayat yang lain. Bukan itu sahaja, teori ini mampu menjelaskan kesalahan dengan terperinci, misalnya

kesalahan yang dilakukan adalah disebabkan oleh faktor gangguan psikologi, bahasa ibunda dan sebagainya.

Antara faktor kesalahan bahasa yang dinyatakan oleh Corder (1981) adalah seperti keliru (*mistakes*), kesilapan (*lapses*) dan salah (*errors*). Terdapat juga kesalahan disebabkan oleh faktor seperti kesalahan pemindahan (*interlingual errors*) dan kesalahan intralingual (*intralingual errors*) yang muncul hasil daripada strategi pengajaran dan pembelajaran tertentu yang digunakan, berdasarkan pernyataan Richard (1992) dalam Siti Baidura dan Nurul Jamilah (2011). Namun, kesemua faktor kesalahan ini perlu merujuk kepada kesalahan pada ayat majmuk pancangan yang dibina oleh pelajar itu sendiri dan jenis pelajar yang melakukan kesalahan tersebut. Justeru itu, hal ini secara tidak langsung memberi kefahaman kepada pembaca dan pengkaji mengenai punca-punca yang menyebabkan pelajar lemah dalam menghasilkan ayat majmuk pancangan yang gramatis.

RUJUKAN

- Ahmad Khair Mohd Nor, Raminah Hj. Sabran, Nawawi Ismail & Ton Ibrahim. (2016). *Tatabahasa Asas. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Ain Nor Azman & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2020). Analisis penggunaan kata sendi nama dalam penulisan berdasarkan teori kesalahan bahasa. *LSP International Journal*, 7 (1), 39-59.
- Alizah Lambri. (2020). Kuliah 6: Kaedah analisis data. [Slaid pembentangan]. Diperoleh daripada https://padlet.com/dralizah2020/BMR3996_dr_alizah/wish/639342575 [21 Julai 2021]
- Arina Johari & Mohd. Zuber Ismail. (2013). Analisis kesalahan umum struktur ayat majmuk oleh pelajar asing. *Proceedings of International Language for Communication Conference 2013*. Diperoleh dari: http://irep.iium.edu.my/32395/1/analisis_kesalahan_umum-Arina.pdf [21 Julai 2021]
- Corder, S.P. (1967). *The significance or learner's errors*. Reprinted in J.C. Richards (Eds.). (1974, 1984). *Error Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition*. London: Longman.
- Corder, S.P. (1973). *Introducing Applied Linguistics*. Baltimore: Penguin.
- Corder, S.P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. London: University Press.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan. Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim Siew Lin, Yahya Othman & Abdul Rasid Jamian. (2003). Kesalahan bahasa dalam karangan pelajar. *Jurnal Bahasa*, 3 (2), 206-225.
- Marriane Tang Nguik Hong, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Noor Syamshida Masa & Norfaizah Abdul Jobar. (2021). Analisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid berdasarkan teori relevans. *Jurnal Linguistik*, 25 (1), 1-20.
- Norul Haida Reduzan, Normarini Norzan & Abdullah Yusof. (2018). Analisis penggunaan ayat majmuk pancangan dalam karangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *International Journal of Education*, 3 (20), 41-60.
- Nur Marisyah dan Hani Syahira. (2020). *Eksplorasi PT3: Bahasa Melayu*. Seri Kembangan: Cemerlang Publication Sdn. Bhd.
- Nurul Adzwa Ahamad, Nur Farahkhanna Mohd Rusli & Norfaizah Abdul Jobar. (2020). Analisis kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan pelajar dan hubungan kait dari segi makna gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (1), 77-90.
- Rohaida Mazlan, Norziah Amin, Mohd Zaki Abd. Rahman & Zamri Mahamod. (2020). Tahappenguasaan membaca dan menulis murid B40 dari perspektif guru bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 54-73.
- Rozana Jaafar. (2020). Strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan menulis dalam kalangan pelajar etnik Cina dan India ketika belajar bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (1), 64-76.
- Siti Baidura Kasiran & Nurul Jamilah Rosly. (2011). Analisis kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam karangan pelajar asing di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam. In: *2nd International Language Conference 2011*. Diperoleh dari: http://irep.iium.edu.my/6212/1/Analisis_Kesalahan_Tatabahasa_Bahasa_Melayu_dalam_Karangan_Pelajar_Asing_di_Sebuah_Institusi_Pengajian_Tinggi_Awam.pdf. [21 Julai 2021]

- Siti Khodijah Che Mee. (2020). Penguasaan sintaksis bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 8 (1), 59-73.
- Siti Norsyahida Mohd A. Rashid, Nor Azuwan Yaakob & Che Ibrahim Salleh. (2015). Penggunaan bahasa dalam laman blog dari aspek morfologi. *Journal of Business and Social Development*, 3 (2), 34-50.
- Zaliza Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan tatabahasa Melayu dalam penulisan karangan pelajar. *LSP International Journal*, 4 (1), 23-35.